



kaunseling Remaja

Prof Madya Dr Sapora Sipon Menjawab

Jika anda menghadapi masalah percintaan, pembelajaran, kewangan, keluarga dan perkara peribadi yang sukar diselesaikan, pakar kaunseling Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) sedia membantu. Hantarkan masalah anda lengkap dengan nama dan alamat penuli kepada Ruangan Pengelola Kaunseling Remaja, Harian Metro, Balai Berita, 31, Jalan Riong, 59100 Bangsar, Kuala Lumpur atau e-mel kepada rencana@hmetro.com.my

SOALAN :

SAYA pelajar institusi pengajian tinggi awam di ibu kota dan akan menamatkan pengajian pada tahun ini. Saya melalui zaman percintaan yang amat malang dan menyedihkan. Lima tahun lalu, saya bercinta dengan M. Kami berkenalan ketika di Pusat Latihan Khidmat Negara dan menjadi pasangan kekasih.

M seorang yang sangat baik dan belajar di institusi tempatan di utara Semenanjung dan saya belajar di Perak. Walaupun bercinta jarak jauh, cinta kami sangat kukuh.

Kami merancang masa depan dan akan berkahwin selepas tamat belajar. Manusia merancang, tapi Allah yang menentukan. Akhirnya, saya dapat tahu M curang.

Hati saya hancur luluh hanya Tuhan saja yang tahu. Akhirnya, saya memutuskan mengakhiri hubungan kami. M sangat kecewa dan memohon maaf berulang kali. Saya memaafkan M, tapi saya tidak

Anggap semua lelaki dayus

akan kembali kepadanya. Akhirnya, kami hanya sekadar berkawan.

Selepas itu, saya dapat melanjutkan pelajaran di ibu kota. Ketika di tempat dan kawan-kawan baru, salah seorang teman sekelas menunjukkan minat terhadap saya. Pada mulanya, saya hanya menganggap S sebagai kawan saja.

Saya menjadi tawar hati apabila mengenangkan kisah cinta saya yang dulu. Lama kelamaan, S merebut hati saya. Akhirnya, kami menjadi

pasangan kekasih. Dia seorang yang kelakar, baik hati tapi membuatkan saya tidak selesa apabila S selalu mengajak keluar pada waktu malam.

Kami tidak melakukan perkara terkutuk hanya keluar makan dan belajar bersama-sama di restoran makanan segera. S selalu takut-takut apabila kami keluar bersama.

Saya berperwatakan menarik tapi S hanya biasa-biasa saja. Saya tidak memandang kepada wajah. Cukup hanya hati yang ikhlas untuk mencintai saya. Saya memang tidak kisah

langsung. Untuk seketika, saya dan S sangat bahagia, malangnya saya dapat tahu S curang dan mempunyai hubungan dengan kawan saya sendiri iaitu N. Saya sangat kecewa dan tidak berhubung dengan S selama seminggu.

Selepas didesak, baru dia beritahu hal sebenar dan S menjelaskan itu hanya fitnah semata-mata. Tapi saya melihat sendiri kemesraan mereka. Saya sangat sedih. Akhirnya, S meminta maaf dan berjanji tidak akan mengulangi perbuatannya itu.

Selepas beberapa bulan, S kembali bernesra dengan N. Kali ini saya begitu kecewa kerana S langsung rasa tidak bersalah dan mengatakan saya kuat cemburu. N juga tahu saya bersama S tapi tetap mahu menghancurkan hubungan kami.

Saya selalu berfikir apakah ada kesalahan saya pada N? Hati saya sangat kecewa. S hanya memujuk sambil lewa. Akhirnya, kami berpisah. Hati saya sakit, kecewa dan sedih. Yang membuatkan saya benci kepada S kerana dia sekuliah. Saya langsung tidak boleh melihat mukanya dan setiap kali berbuat demikian, pasti saya akan menyumpah seranah.

Saya menjadi benci pada lelaki kerana beranggapan semuanya tidak boleh diharap. Mereka hanya bermulut manis dan perasan menganggap diri sebagai golongan hebat. Saya selalu berdoa untuk mendapat seorang teman, sahabat, suami yang dapat membimbing saya.

Benci lelaki,
Selangor.

Jawapan

HIDJP ini ibarat meniti seutas tali, kadangkala kita jatuh dan terluka dan itulah yang adik rasai saat ini. Peritnya putus cinta seperti sembilu. Dr memahami segala kekecewaan dan bersifat



empati dengan adik. Memang amat sukar adik melupakan apa yang sudah dilakukan dua bekas kekasih.

Ia ibarat amat mudah untuk memadamkan api yang marak tapi sukar meredakan api kemarahan dalam diri. Namun, Dr harap kekecewaan yang dialami akan mengajar adik erti kehidupan. Sebagai mahasiswa, adik perlulah dengan potensi diri, teruskan perjuangan.

Sikap suka berjanji dan meletakkan harapan kepada orang lain tapi tidak menunaikannya adalah satu sifat yang tidak bertanggungjawab.

Dalam masalah adik, beberapa orang yang mewakili kaum lelaki meninggalkan adik dalam keadaan terluka. Sikap mereka memang tidak baik untuk dijadikan contoh.

Pendek kata, tanpa mengira jantina, sesiapa saja yang berjanji tapi tidak menepatinya, adalah sikap dan perilaku yang negatif.

Dalam soal bercinta, tiada undang-undangnya. Kita tidak perlu melakukan kesalahan untuk orang lain merebut kekasih atau meninggalkan kita. Tiada satu jawapan dapat diberikan dalam soal mempertahankan kesucian sesuatu cinta.

Ada kalanya, betapa

Siswi kecewa dua kali jadi mangsa kecurangan kekasih

kuatnya kita berjuang untuk mengekalkan cinta itu, ia tetap putus di tengah jalan. Jika adik benar-benar menyayangi bekas teman lelaki, biarkan dia membuat pilihan. Ibarat kata, "kasihnya manusia lepaskan dia kepada pilihan dan keputusannya kerana di situ tanda kita gembira melihat insan yang kita sayangi beroleh bahagia".

Semakin adik berdendam terhadap lelaki, semakin berat perasaan adik. Kemaafan mungkin amat berat untuk diberikan kepada orang yang pernah melukai hati kita.

Tapi hanya dengan memberi kemaafan sajalah kita akan dapat mengubati hati yang terluka. Kemaafan yang diberi secara ikhlas umpama pisau bedah yang boleh membiang segala parut luka emosi.

Lelaki yang ditakdirkan untuk adik masih ada. Cuma menunggu masanya. Semoga adik tidak berputus asa terhadap cinta. Cinta datang kepada mereka yang masih percaya, walaupun mereka dikhianati.

Cinta hadir kepada mereka yang masih ingin mencintai, walaupun mereka disakiti sebelumnya. Hadirnya cinta ialah kepada mereka yang mempunyai keberanian dan keyakinan untuk membangunkan kembali kepercayaan.